



**PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH  
SEBERANG PERAI UTARA**  
13200 KEPALA BATAS, PULAU PINANG

# MODUL LATIHAN BAHASA MELAYU PT3

*Disediakan oleh:*

Mohamad Ali bin Mohamad Taib  
SISC+ Bahasa Melayu

Nama Murid : \_\_\_\_\_  
Tingkatan : \_\_\_\_\_

# SOALAN SISTEM BAHASA

## LATIHAN 1

*Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan bahasa. Garis kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.*

1) Jalan yang senyap itu jarang dilalui oleh pemandu kerana mereka berasa takut untuk melaluinya terutama pada waktu malam.

\_\_\_\_\_

2) Ahmad terlalu sayangkan emaknya yang sudah lanjut usia dan tinggal sendirian di kampung.

\_\_\_\_\_

3) Jambatan yang diperbuat daripada kayu itu usang amat dan tidak selamat untuk dilalui lagi.

\_\_\_\_\_

4) Ali berasa sungguh terkejut benar-benar ketika menerima surat tawaran pelantikan sebagai jurubahasa.

\_\_\_\_\_

5) Para pejuang kemerdekaan sentiasa dikenang oleh kerana jasa mereka yang sanggup berkorban nyawa demi kedaulatan tanah air.

\_\_\_\_\_

6) Ahmad sudah lama menetap di bandar sebaliknya dia masih bersikap kekampungan.

\_\_\_\_\_

7) Bilatah agaknya Mary akan berkunjung sini lagi kerana dia tinggal jauh di seberang laut.

\_\_\_\_\_

8) Semua jenis lauk-pauk yang dijual di warung kecil itu mahal-mahal belaka.

\_\_\_\_\_

9) Pemuda itu tidur berbantalkan di atas lengan kerana bilik tidurnya terkunci dari dalam.

\_\_\_\_\_

10) Beratus kenderaan masih tersadai di jalan raya kerana laluan utama terputus akibat kejadian banjir.

\_\_\_\_\_

- 11) Pejabat baharu Puan Shila terletak di antara pejabat pos dan rumah pangsa kos sederhana.  
\_\_\_\_\_
- 12) Seniman P.Ramlee telah melakonkan dalam beberapa buah filem bersama dengan biduanita Saloma.  
\_\_\_\_\_
- 13) Persatuan Alam Sekitar akan mendermakan sebahagian dari wang yang diperolehi semasa jualan barang terpakai.  
\_\_\_\_\_
- 14) Nyanyian peserta paling termuda dalam pertandingan itu mendapat tepukan yang amat gemuruh.  
\_\_\_\_\_
- 15) Beberapa orang karyawan dari Universiti Malaya sedang membentangkan kertas-kertas kerja mereka dalam seminar keilmuan itu.  
\_\_\_\_\_
- 16) Rambut adik sungguh kusut-masai kerana tidak disikat dengan rapi.  
\_\_\_\_\_
- 17) Kelvin mengemukakan sebuah pendapat yang bernas dalam sesi percambahan idea sebelum memulakan projek tersebut.  
\_\_\_\_\_
- 18) Kami akan perelaskan perkara yang sebenar kepada pihak penganjur demi menjernihkan keadaan.  
\_\_\_\_\_
- 19) Kerja-kerja pelebaran jalan itu mengambil masa selama tiga bulan untuk siap sepenuhnya.  
\_\_\_\_\_
- 20) Encik Halim yang budiman itu telah bermurah hati untuk membiaya kos pembinaan rumah anak-anak yatim di kampung kami.  
\_\_\_\_\_

## LATIHAN 2

*Betulkan kesalahan ejaan dalam jadual yang disediakan*

Bil	Salah	Betul
1	mee	
2	keretapi	
3	juru ulas	
4	pensil	
5	koewteow	
6	taekwando	
7	email	
8	internet	
9	tengahari	
10	nasionalisma	
11	cinggay	
12	setor	
13	cop rasmi	
14	pasca-merdeka	
15	merbahaya	
16	mengembeleng	
17	squash	
18	ko kurikulum	
19	nenas	
20	maksima	

Bil	Salah	Betul
21	Ramadhan	
22	efisyen	
23	cendiakawan	
24	ibubapa	
25	karenah	
26	kolestrol	
27	ambulan hospital	
28	lagenda	
29	pasaraya	
30	lanskap	
31	otomatik	
32	perabut	
33	spesis	
34	sekaligus	
35	bowling	
36	tele perubatan	
37	stesyen	
38	mempamirkan	
39	1970 an	
40	silaturrahim	

### LATIHAN 3

*Cerakinkan bahagian subjek dan predikat dalam ayat-ayat di bawah.*

1. Penduduk kampung itu bergotong-royong membersihkan kawasan kediaman mereka.

Subjek : \_\_\_\_\_

Predikat : \_\_\_\_\_

2. Baju yang sudah dijahit itu belum diseterika oleh ibu saya.

Subjek : \_\_\_\_\_

Predikat : \_\_\_\_\_

3. Gadis yang senyum dengan saya tadi pernah bekerja di kedai kopi ayah Nora.

Subjek : \_\_\_\_\_

Predikat : \_\_\_\_\_

4. Anak Puan Wong yang bermain di padang itu tidak mahu pulang walaupun hari sudah senja.

Subjek : \_\_\_\_\_

Predikat : \_\_\_\_\_

5. Buku-buku cerita yang dipinjam oleh kakak masih belum dipulangkan lagi.

Subjek : \_\_\_\_\_

Predikat : \_\_\_\_\_

6. Adik menangis semahu-mahunya kerana ibu tidak memberikan wang kepadanya.

Subjek : \_\_\_\_\_

Predikat : \_\_\_\_\_

7. Rumah kedai yang usang itu akan dirobohkan oleh pihak berkuasa tempatan.

Subjek : \_\_\_\_\_

Predikat : \_\_\_\_\_

8. Telah saya siapkan tugas yang diberikan oleh guru.

Subjek : \_\_\_\_\_

Predikat : \_\_\_\_\_

9. Sejak peristiwa itu, Andrew tidak bercakap bohong lagi dengan ibunya.

Subjek : \_\_\_\_\_

Predikat : \_\_\_\_\_

*Tukarkan ayat biasa di bawah kepada ayat songsang.*

1. Pelajar-pelajar kelas ini akan pergi berkelah ke Pulau Aman pada hari Ahad.  
\_\_\_\_\_
2. Swee Kim membuka kedai runcit itu dengan pertolongan seorang rakan karibnya.  
\_\_\_\_\_
3. Anak-anak Encik Ramu berjaya melanjutkan pelajaran mereka ke luar negeri.  
\_\_\_\_\_
4. Shanty sudah memberitahu keluarga kamu tentang peristiwa yang berlaku di rumahnya?  
\_\_\_\_\_
5. Cadangan Ali untuk meneruskan projek itu telah dipersetujui oleh semua rakannya.  
\_\_\_\_\_
6. Kain untuk membuat baju itu telah saya beli beberapa bulan yang lepas.  
\_\_\_\_\_
7. Budak kecil itu menangis dengan kuat apabila Suresh mengejeknya di hadapan kami.  
\_\_\_\_\_
8. Lagu permintaan yang baru diputarkan sebentar tadi ditujukan kepada siapa?  
\_\_\_\_\_
9. Tin-tin kosong itu mesti kamu tanam supaya air tidak bertakung di dalamnya.  
\_\_\_\_\_
10. Kamal dan Hafizi menjadi bertambah nakal sejak berpindah ke sekolah baharu.  
\_\_\_\_\_
11. Masalah itu telah saya kemukakan kepada pengerusi dalam mesyuarat yang lalu.  
\_\_\_\_\_
12. Pak Salleh menebas semak samun di belakang rumahnya dengan sebilah parang.  
\_\_\_\_\_
13. Anak Puan Anne jatuh tersungkur apabila dia dikejar anjing petang semalam.  
\_\_\_\_\_

*Tukarkan ayat songsang biasa di bawah kepada ayat biasa.*

1. Sungguh bertuah Mei Chuen kerana keluarganya kaya dan bahagia. semalam.  
\_\_\_\_\_
2. Tidak dapat saya lupakan pertolongan yang telah diberikan Edward kepada keluarga saya.  
\_\_\_\_\_
3. Baru sampai rombongan lawatan sambil belajar anjuran Persatuan Sains sekolah kami.  
\_\_\_\_\_
4. Kehujanan kami apabila hujan lebat turun dengan tidak berhenti-henti petang semalam.  
\_\_\_\_\_
5. Baru pulang ayah dan emak dari kampung setelah menziarahi nenek.  
\_\_\_\_\_
6. Dari manakah harimau putih yang terdapat di Zoo Negara itu berasal?  
\_\_\_\_\_
7. Dalam ujian bulan lalu, Cikgu Loga telah mengemukakan soalan-soalan yang sama.  
\_\_\_\_\_
8. Semakin menjadi-jadi kes ponteng sekolah dalam kalangan pelajar sekolah menengah.  
\_\_\_\_\_
9. Ke sekolah anak-anaknya pergi setiap petang untuk menjalani latihan bola keranjang.  
\_\_\_\_\_
10. Dengan sehelai kain putih yang bersih, emak membalut kaki adik yang berlumuran darah.  
\_\_\_\_\_
11. Terpaut hatiku dengan kepandaian budak-budak kecil itu membuat persembahan boria.  
\_\_\_\_\_
12. Dengan kuat aku menggosok baju itu supaya semua kesan kotoran tidak kelihatan lagi.  
\_\_\_\_\_
13. Tertidur abangnya semasa membaca surat khabar di dalam biliknya petang semalam.  
\_\_\_\_\_

*Gabungkan ayat-ayat tunggal di bawah supaya menjadi ayat majmuk.*

1. (a) Irene menyapu sampah.  
(b) Suzy menggelap tingkap.
- 

2. (a) Azli menjual nasi lemak.  
(b) Azli menjual kuih-muih.
- 

3. (a) Dia hendak ke Ipoh dengan bas?  
(b) Dia hendak ke Ipoh dengan kereta api?
- 

4. (a) Saya ingin membeli tilam yang murah.  
(b) Saya ingin membeli tilam yang selesa.
- 

5. (a) Nathan rajin mengulang kaji pelajaran.  
(b) Dia lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan.
- 

6. (a) Buku ini sesuai untuk orang dewasa.  
(b) Buku ini sesuai untuk kanak-kanak.
- 

7. (a) Eng Wah tidak mendapat izin daripada bapanya.  
(b) Dia menyertai rombongan ke Gunung Ledang.
- 

8. (a) Motosikal tidak dapat dibelinya.  
(b) Basikal tidak dapat dibelinya.
- 

9. (a) Azman amat pandai dalam Matematik.  
(b) Azmi amat pandai dalam Matematik.
- 

10. (a) Soalan yang mudah tidak dapat dijawabnya.  
(b) Soalan yang susah tidak dapat dijawabnya.
-

*Berdasarkan pernyataan yang diberi, bina ayat tanya yang gramatis.*

1. Pertandingan drama itu diadakan di dewan sekolah pada hari Rabu yang lalu.

---

2. Semua penduduk menyertai aktiviti gotong-royong membaki dewan yang rosak.

---

3. Kek berperisa strawberi dibuat oleh ibu saya petang semalam.

---

4. Penduduk dinasihati agar tidak turun ke laut pada musim tengkujuh.

---

5. Ya, saya sudah membawa buku yang dipesan oleh rakan saya.

---

6. Sebanyak 30 bungkus mi sup telah dijual oleh Azizah.

---

7. Mereka menghadiahi Cikgu Hasan sebuah jam tangan.

---

8. Kita mesti menghargai jasa ibu bapa serta guru-guru.

---

9. Encik Tan mengarahkan pekerjaanya supaya mengamalkan sikap bertanggungjawab.

---

10. Puan Devi menguruskan syarikat penerbitan itu semenjak ayahnya meninggal dunia.

---

11. Aku belum menyiapkan kerja-kerja sekolah yang diberi oleh Cikgu Salman semalam.

---

12. Guru disiplin telah memberi amaran kepada pelajar lelaki.

---

## LATIHAN 4

Tulis **dua** peribahasa yang sesuai dengan gambar di bawah.



- 1) \_\_\_\_\_
- 2) \_\_\_\_\_

Tulis **satu** peribahasa yang sesuai dengan gambar di bawah.



- 1) \_\_\_\_\_

Tulis **tiga** peribahasa yang sesuai dengan gambar di bawah.



- 1) \_\_\_\_\_
- 2) \_\_\_\_\_
- 3) \_\_\_\_\_

Tulis **dua** peribahasa yang sesuai dengan gambar di bawah.



- 1) \_\_\_\_\_
- 2) \_\_\_\_\_

# SOALAN PEMAHAMAN

## LATIHAN PEMAHAMAN PROSA

### PANDUAN UMUM UNTUK MENJAWAB SOALAN PEMAHAMAN

- Calon mesti membaca dan memahami petikan prosa dan puisi yang terdapat dalam kertas soalan.
- Baca soalan dan cuba fahami kehendak soalan. Kemudian cari jawapan yang terdapat dalam petikan prosa dan puisi yang disediakan.
- Bagi menjawab soalan KBAT, calon mesti menggunakan isi atau idea sendiri. Jawapan yang ditulis oleh calon mestilah relevan dengan kehendak soalan.
- Perkara yang paling penting ialah jawapan calon ditulis dalam ayat yang gramatis. Calon tidak boleh menjawab dalam bentuk catatan.

### LATIHAN 1

*Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Selepas subuh, air pun ditimba dan disimbah di mana-mana saja ada kotoran. Memang tak ada berus dan sabun, maka empulur sabut pun dipintal lalu diikat tebal-tebal pada hujung batang buluh. Jadi dengan kudrat yang ada, kami memberus lantai dengan tekun. Tengah hari muncullah Hajah Tom, dijamunya kami dengan nasi berlaukan ikan cencaru belah belakang, itulah antara hidangan paling lazat yang pernah kami nikmati.

“Nasib baik ada budak-budak ni, boleh juga tumpang berbudi,” kata Hajah Tom.

Haji Salleh Pumpong tersenyum dan sebelum pergi, didengarinya penuh tekun pesan guru Quran kami. “Nanti ajarlah budak-budak ni solat jenazah, mana tahu satu hari nanti kita dapat menumpang budi sekali lagi.”

Tiga bulan kemudian, kami antara yang berada di surau, menyertai saf akhir sesuai solat zuhur. Terdiam dan sebak. Kami akhirnya bermandi air mata. Solat itu terakhir untuk guru Quran yang tercinta.

Tak lama selepas itu, pada awal Ramadan kemudiannya, kami solat terakhir untuk Haji Salleh Pumpong pula.

Sampai sekarang kami tak pernah lupa, segala kenangan pada kedua-dua nama ini akan kekal abadi. Kekal sebagai kenangan penuh air mata.

(Dipetik daripada cerpen *Segala yang Tercinta Ada di Sana*, antologi Harga Sebuah Lukisan, Tingkatan 3, Dewan Bahasa dan Pustaka)

1) Apakah permintaan Hajah Tom kepada Haji Salleh Pumpong?

---

---

---

2) Kenapakah kami merasa sedih?

---

---

---

3) Berikan **dua** pengajaran yang dapat diperoleh daripada petikan cerpen di atas.

---

---

---

4) Nyatakan latar tempat yang terdapat dalam petikan cerpen di atas.

---

---

5) Guru banyak berjasa dalam kehidupan kita.

Pada pendapat anda, bagaimanakah cara-cara yang harus kita lakukan untuk menghargai jasa guru?

---

---

---

---

## LATIHAN 2

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Menagih kasih daripada ayah, sama seperti menagih kasih daripada ibu. Ayah dan ibu seakan percaya akan tilikan bidan yang membidankan kelahiran Angah. Aku sungguh hairan melihat ayah dan ibu yang termasuk dalam golongan intelek, masih percaya kepada tilikan yang mengatakan Angah akan membawa tuah kepada keluarga ini. Bagi aku, kelahiran Angah merupakan kesengsaraan kepada diriku. Mana tidaknya, kalau semua kesalahan Angah terpaksa aku tanggung. Demokrasi seakan lenyap dalam keluarga ini.

Selesai menikmati hidangan malam, kedengaran ayah merungut-rungut marah akan sesuatu. Entah apa-apa yang dirungutkan oleh ayah. Tentunya, budak kecil itu yang membuat hal lagi. Hal ini bermakna aku akan menjadi habuan segala kemarahan ayah. Malang betul nasibku menjadi kakak kepada pengacau kecil itu. Apakah kesalahan aku sebagai anggota tertua dalam adik-beradik sehingga aku dijadikan sebagai tempat melemparkan segala tuduhan? Perit di hati tidak dapat kugambarkan lagi.

Dahulu, Angah mengoyakkan wang kertas sepuluh ringgit, ayah telah menyekat wang kocekku selama sebulan. Terpaksalah aku menebalkan muka untuk meminjam wang daripada teman seasrama. Selepas itu, pasu bunga buatan negara China yang menjadi kesayangan ibu dijahanamkan oleh Angah. Aku dihukum membersihkan halaman rumah selama sebulan oleh ibu semasa cuti penggal ketiga. Betapa peritnya hati dan perasaan ini apabila menjalani hukuman yang aku sendiri tidak melakukannya. Dendam yang mulai memutik di dada ini kian hari kian merebak menguasai ke segenap penjuru hatiku.

“Along!”

Langkah yang gontai kuhayunkan ke bilik bacaan ayah. Perasaan cuak mengusik api dendam yang membara di dada ini. Alangkah seksanya menjadi kakak kepada adik yang nakal.

(Dipetik daripada cerpen *Dendam*, karya Shariza A.Rahman, dalam Antologi Gema Sepi Gadis Genius, Tingkatan 2, DBP)

1) Mengapakah aku tidak menyukai kelahiran Angah?

---

---

---

2) Berikan **dua** sebab Along memarahi Angah.

---

---

---

3) Selepas Angah memecahkan pasu bunga kesukaan ibu, apakah hukuman yang terpaksa aku hadapi?

---

---

---

4) Berdasarkan petikan cerpen di atas, berikan **dua** nilai yang dapat diperoleh melalui perwatakan Along.

---

---

---

5) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang harus dilakukan oleh ibu bapa untuk mewujudkan hubungan yang lebih erat dalam kalangan anak-anak mereka?

---

---

---

---

### LATIHAN 3

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka sembah nenek kebayan seraya berkata, “Ya, Tuanku Perdana Menteri! Inilah cucu hamba.”

Maka kata Perdana Menteri, “Hai, nenek kebayan! Selamanya mengapa tiada engkau bawa?”

Maka ujar nenek kebayan, “Sebab selamanya tiada hamba bawa kerana ia lagi kanak-kanak dan kurang budi bicaranya lagi. Sebab itulah tiada hamba bawa ia.”

Maka ujar Perdana Menteri, “Siapa namanya dan apa bangsanya?”

Maka sahut nenek kebayan, “Inderaputera namanya dan bangsanya daripada manusia.”

Maka Perdana Menteri pun memandang kepada Inderaputera, diamatinya rupanya, sikapnya dan lakunya seperti anak raja-raja yang besar-besar juga rupanya.

Setelah demikian maka ujar Perdana Menteri, “Hai, Inderaputera! Mari anakanda hampir ke mari.”

Maka Inderaputera pun hampirlah seraya menyembah kepada Perdana Menteri serta dengan takzimnya. Maka Perdana Menteri menyuruh orang mengangkat kerusi lalu disuruh Inderaputera duduk dan Inderaputera tiada mahu duduk seraya menyembah; dan lagi disuruh oleh Perdana Menteri orang mengangkat hidangan ke hadapan Inderaputera.

Maka ujar Perdana Menteri, “Hai, Inderaputera, marilah anakanda makan!”

Maka Inderaputera pun menyembah seraya berkata, “Santap tuanku dahulu, patik kemudian.” Dan beberapa budi bicara Perdana Menteri mengajak makan bersama-sama dengan ia, tiada juga dia mahu. Maka Perdana Menteri pun lalu bangkit sendirinya memegang tangan Inderaputera. Maka Inderaputera pun menyembah serta dengan takzimnya juga, tiada ia mahu.

Setelah sudah Perdana Menteri makan maka diberikannyalah Inderaputera itu baharulah ia mahu makan.

(Dipetik daripada prosa tradisional *Hikayat Inderaputera* dalam Antalogi Gema Sepi Gadis Genius, Tingkatan 2, DBP)

- 1) Mengapakah nenek kebayan tidak membawa cucunya untuk berjumpa dengan Perdana Menteri?

---

---

---

2) Apakah perkara-perkara yang dilakukan oleh Perdana Menteri selepas beliau meneliti gerak geri Inderaputera?

---

---

---

3) Berdasarkan petikan prosa tradisional di atas, nyatakan perwatakan Inderaputera.

---

---

---

4) Berikan **dua** persoalan yang dapat diperolehi daripada petikan prosa tradisional di atas.

---

---

---

5) Pada pendapat anda, mengapakah Inderaputera enggan makan bersama-sama dengan Perdana Menteri?

---

---

---

---

#### LATIHAN 4

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- MAMA : Memang begitulah perangainya. Tak mahu menyusahkan awak katanya. Tadi semasa mama mahu telefon awak pun dia melarang juga.
- DOKTOR AFIF : (*Menyampuk*) Then ... buat apa saya menjadi ...
- ABAH : (*Menyampuk dengan suara perlahan*) Awak baliklah ke klinik awak tu. Banyak orang yang lebih memerlukan khidmat awak. Abah tak apa-apa ni. Sakit biasa sahaja. Kaki yang bengkok tu bukannya sakit. Bengkok begitu sahaja. Biasalah. Abah dah tua.
- DOKTOR AFIF : Abah.... .
- ABAH : Awak tinggalkan sahaja pil atau apa-apa yang patut. Pandailah abah memakannya.
- DOKTOR AFIF : (*Bersungguh-sungguh*) Abah ... ini soal penyakit, abah. Soal hidup dan mati. Bukan seperti dalam cerita novel atau cerpen yang selalu abah tulis tu ... perkara yang boleh direka-reka. Hal ini kenyataan. Soal kebersihan diri, makanan, alam sekitar dan *body metabolism*. Wang berjuta-juta ringgit pun tak dapat membeli kesihatan. Bukankah abah juga yang selalu berkata macam tu, dalam dunia ini ada perkara-perkara yang tidak mempunyai ukuran nilai wang. Inilah salah satu daripadanya
- ABAH : (*Berkeras*) *You follow what I say*. Awak anak, saya ni bapa. Jangan nak ...
- DOKTOR AFIF : (*Bersuara agak tegas*) Ya, saya tahu! Selama ini saya memang sentiasa patuh pada kehendak abah, malah kalau abah kata abah lebih banyak makan garam pun saya setuju, tapi kali ini ... *please* abah. Kalau abah nak tengok anak merayu kepada bapanya, inilah dia ... saya merayu agar abah mendengar cakap saya. *Just for this time please*.
- ABAH : (*Masih berkeras*) Tak payah. Abah kata tak payah, *you just leave me alone*. (*Merendahkan suara*) Abah tak sakit apa-apa. Sakit perut tadi pun dah ...
- DOKTOR AFIF : (*Bercakap kepada MAMA*) Apa hal sampai jadi begini mama? Macam ada yang tak kena sahaja. Tak pernah pun macam ni.
- MAMA : (*Agak selamba*) Manalah mama tahu. Katanya dia tak mahu menyusahkan awak. Itu sahaja yang selalu disebutnya. Entahlah ... dah nyanyuk agaknya.

(Dipetik daripada drama *Hemodialisis* dalam Antologi Gema Sepi Gadis Genius, Tingkatan 2, DBP)

1) Mengapakah abah menyuruh Doktor Afif balik ke klinik?

---

---

---

2) Bagaimanakah Doktor Afif cuba merayu agar abah memenuhi permintaannya?

---

---

---

3) Berdasarkan petikan drama di atas, berikan **dua** nilai yang terdapat pada watak Doktor Afif.

---

---

---

4) Apakah bakat semula jadi yang ada pada abah?

---

---

---

5) Abah tetap berkeras untuk ditinggalkan bersendirian walaupun dia masih tidak sihat. Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha lain yang harus dilakukan oleh Doktor Afif untuk terus memujuk abah?

---

---

---

---

## LATIHAN PEMAHAMAN PUISI

### LATIHAN 1

Baca pantun di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

#### **PANTUN DUA KERAT (Nasihat)**

Terima kasih daun keladi,  
Kalau boleh hendak lagi.

Ikan siakap ikan senohong,  
Banyak cakap banyak bohong.

Pecah kaca pecah gelas,  
Sudah baca harap balas.

Emas perak tembaga suasa,  
Malas bergerak tidak merasa.

Pagi petang siang malam,  
Hati terang senang faham.

Kumbang jarak kumbang jagung,  
Berani buat berani tanggung.

Tunggu durian Teluk Emas,  
Siapa kemudian kena kemas.

Buah cempedak dalam gantang,  
Siapa hendak dia datang.

Periuk belanga pasu kualiti,  
Busuk nama menipu mencuri.

Saya kata itik, awak kata ayam,  
Sudah kena jentik baru nak diam.

(Dipetik daripada Antologi Kasut  
Kelopak Jantung, Tingkatan 1, DBP)

1) Berdasarkan Pantun Dua Kerat, nyatakan **dua** nasihat yang ingin disampaikan.

---

---

---

2) Mengapakah kita tidak harus bercakap terlalu banyak?

---

---

---

3) Sesebuah puisi dihasilkan dengan penggunaan gaya bahasa yang menarik. Berdasarkan Pantun Dua Kerat, berikan **dua** gaya bahasa yang menarik berserta dengan contoh yang sesuai.

---

---

---

---

4) Pada pendapat anda, mengapakah ibu bapa perlu menasihati anak-anak mereka?

---

---

---

5) Nyatakan **satu** ciri Pantun Dua Kerat.

---

---

---

---

## LATIHAN 2

Baca pantun di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### **PANTUN EMPAT KERAT (Muhibah dan Perpaduan)**

Petang hari pergi ke pekan,  
Pulang membawa sebungkus laksa;  
Hidup muhibah perlu diamalkan,  
Di negara Malaysia berbilang bangsa.

Cantik bergugus buah papaya,  
Masak dipetik satu per satu;  
Walaupun berlainan bangsa budaya,  
Kerana muhibah hidup bersatu.

Air mengalir dalam terusan,  
Mengairi sawah beratus relung;  
Bekerjasama segala urusan,  
Tanda bersatu bergotong-royong.

Tuan puteri dari kayangan,  
Senyuman manis seperti madu;  
Bermacam-macam keturunan bukan halangan,  
Untuk membina bangsa yang padu.

Enak nian air kelapa,  
Penawar sakit mujarab sekali;  
Kebudayaan asal tidak dilupa,  
Kebudayaan nasional mereka banggai.

(Dipetik daripada Antologi Gema Sepi  
Gadis Genius, Tingkatan 2, DBP)

1) Berdasarkan Pantun Empat Kerat (Muhibah dan Perpaduan), apakah halangan utama bagi membentuk perpaduan?.

---

---

---

2) Nyatakan persoalan yang ingin disampaikan melalui rangkap kedua Pantun Empat Kerat (Muhibah dan Perpaduan).

---

---

---

3) Dalam sesebuah puisi terdapat pelbagai gaya bahasa yang menarik. Berdasarkan Pantun Empat Kerat (Muhibah dan Perpaduan), berikan **dua** gaya bahasa yang menarik berserta dengan contoh yang sesuai.

---

---

---

---

4) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang harus dilakukan untuk memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia?

---

---

---

5) Berdasarkan Pantun Empat Kerat (Muhibah dan Perpaduan), mengapakah kita perlu bergotong-royong?

---

---

---

---

### **LATIHAN 3**

*Baca syair di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

#### **SYAIR WASIAT AYAHANDA SITI ZAWIYAH**

Ada kepada suatu hari,  
Sakit saudagar laki isteri,  
Adalah kiranya tujuh hari,  
Tidak bergerak kanan dan kiri.

Saudagar tahu akan dirinya,  
Hampirlah mati kepada rasanya,  
Lalulah memanggil akan anaknya,  
Dicium kepala dengan tangisnya.

Katanya wahai cahaya matakmu,  
Tinggallah tuan buah hatiku,  
Hampirlah mati gerangan aku,  
Baiklah tuan tingkah dan laku.

Serta harta aku tinggalkan,  
Tuan seorang yang menyukakan,  
Sampai habis semua diterimakan,  
Faedahnya akan diberikan.

Jikalau tidak anakku berakal,  
Harta pusaka di manakan kekal,  
Habis harta badan tinggal,  
Laksana perahu bersauh tunggal.

Kerana harta tiada berguna,  
Jikalau tidak akan sempurna,  
Sekalian itu habislah fana,  
Hanyalah tinggal badan merana.

Budi dan bahasa janganlah lupa,  
Muliakan olehmu ibu dan bapa,  
Mana yang datang padamu berjumpa,  
Janganlah lambat tuan menyapa.

Kerana adat orang berbeza,  
Tiada memandang harta dan benda,  
Tegur dan sapa itu yang ada,  
Itulah penambah di dalamnya dada.

(Dipetik daripada Antologi Kasut Kelopak  
Jantung, Tingkatan 1, DBP)

1) Apakah yang dilakukan oleh saudagar apabila dia mendapati ajalnya semakin dekat?

---

---

---

2) Nyatakan maksud yang ingin disampaikan oleh penyair melalui rangkap ketujuh Syair Wasiat Ayahanda Siti Zawiyah?

---

---

---

---

3) Jelaskan **tiga** ciri Syair Wasiat Ayahanda Siti Zawiyah.

---

---

---

---

4) Bagaimanakah nasib yang akan dihadapi oleh orang yang tidak menggunakan akal dalam kehidupannya?

---

---

---

5) Pada pendapat anda, mengapakah kita harus bersikap rendah diri?

---

---

---

---

## **LATIHAN 4**

*Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

### **SEORANG INSAN ISTIMEWA (Natasya Puteri)**

Dia tidak pernah meminta  
untuk lahir sebegitu rupa  
namun kecilnya diri  
menyanggah takdir Yang Maha Esa  
sebuah suratan tertulis sudah  
sebuah kehidupan tetap harus diteruskan.

Seorang insan istimewa  
menapak dalam reda  
menggagas payah dalam senyum terpaksa  
betapa pun simpati mata memandangi  
pasti tiada bandingan  
dengan derita diri  
menempuh cabaran.

Seorang insan istimewa  
anugerah suatu ujian  
amanah suatu tuntutan  
biar sukar mesti disempurnakan  
luas buana  
mereka tetap punya ruang  
meneruskan kehidupan  
selagi Tuhan mengizinkan.

Bantulah, bimbinglah  
seikhlas hati setulus budi  
Tuhan pasti merestui.

(Dipetik daripada Antologi Harga Sebuah  
Lukisan, Tingkatan 3, DBP)

1) Berdasarkan sajak Seorang Insan Istimewa, berikan **dua** kelebihan insan istimewa.

---

---

---

2) Nyatakan persoalan yang dikemukakan oleh penyajak dalam rangkap pertama sajak Seorang Insan Istimewa.

---

---

---

3) Dalam sesebuah sajak terdapat pelbagai gaya bahasa yang menarik. Berdasarkan sajak Seorang Insan Istimewa, berikan **dua** gaya bahasa yang menarik berserta dengan contoh yang sesuai.

---

---

---

---

4) Pada pendapat anda, apakah cara-cara yang harus dilakukan oleh insan istimewa untuk meneruskan kehidupan mereka?

---

---

---

---

5) Apakah yang wajar dilakukan oleh anggota masyarakat terhadap insan istimewa?

---

---

---

---








# SOALAN ULASAN

## PANDUAN UMUM UNTUK MENJAWAB SOALAN ULASAN

- Soalan yang dikemukakan berbentuk grafik : sama ada graf, carta, pelan, rajah, poster, iklan dan sebagainya.
- Dalam bahan grafik itu terdapat beberapa maklumat. Anda mesti meneliti dan memahami semua maklumat tersebut.
- Kemudian anda hendaklah mengulas maklumat daripada bahan grafik tersebut dengan menggunakan ayat yang gramatis.
- Dalam jawapan ulasan, anda perlu mengemukakan idea yang relevan dan menunjukkan kematangan mengulas sesuatu isi.
- Panjang ulasan anda mestilah tidak melebihi 100 patah perkataan.

### LATIHAN 1

Lihat carta pai di bawah dengan teliti. Berdasarkan carta pai tersebut, tulis ulasan yang berkaitan dengan **peratusan murid membaca mengikut jenis bahan bacaan**. Panjang ulasan anda hendaklah **antara 80 hingga 100 patah perkataan**.










# SOALAN KARANGAN

## LATIHAN 1

Sejak kebelakangan ini semangat kejiiran dalam kalangan masyarakat semakin berkurangan.

Huraikan cara-cara yang dapat dilakukan untuk memupuk semangat kejiiran. Panjangnya karangan anda hendaklah lebih daripada 180 patah perkataan.



### Pendahuluan

- jiran merujuk kepada orang yang tinggal
- ketika kita menghadapi masalah, jiranlah merupakan orang yang
- namun demikian, mutakhir ini semangat kejiiran dalam kalangan
- sehubungan dengan itu, pelbagai prakarsa perlu dilakukan untuk

### Isi-isi

#### **Isi 1 (peranan ibu bapa : didikan sejak kecil)**

- antara cara yang efektif untuk menerapkan semangat kejiiran : ibu bapa perlu
- anak-anak sepatutnya diasuh agar
- ibu bapa dapat menunjukkan contoh terbaik kepada anak-anak dengan mengamalkan sikap
- ibu bapa : menggalakkan anak-anak mereka agar ringan tulang
- hasil didikan yang baik : maka anak-anak akan terbiasa untuk

### ***Isi 2 (peranan pihak sekolah : diterapkan melalui pelajaran)***

- ..., pihak sekolah turut berperanan penting bagi
- ketika mengajar mata pelajaran tertentu : guru-guru boleh menyelitkan tentang
- umpamanya dalam subjek Pendidikan Moral, para pelajar ditugaskan untuk menghuraikan kesan-kesan jika
- terdapat banyak aktiviti yang menekankan kebaikan hidup berjiran dapat dijalankan di sekolah seperti
- usaha murni seperti ini mampu mendidik generasi muda agar

### ***Isi 3 (peranan pihak media massa : melalui kempen dan siaran drama)***

- ..., media massa juga harus bertanggungjawab untuk
- perlu menyiarkan kempen Hidup Berjiran dengan lebih kerap untuk ditonton
- melalui usaha tersebut : masyarakat dapat didedahkan tentang
- selain kempen : pihak media massa boleh menayangkan drama-drama yang berkaitan
- langkah ini nescaya akan dapat

### ***Isi 4 (peranan pihak kerajaan : aktiviti yang melibatkan semua jiran)***

- ..., untuk memupuk semangat kejiranan, pihak kerajaan turut
- salah satu usaha yang wajar diadakan ialah
- program tersebut hendaklah melibatkan semua
- Program Jiran Prihatin merupakan antara program yang
- program ini akan dapat melahirkan anggota masyarakat yang


### **Penutup**

- kesimpulannya : pelbagai prakarsa perlu dilakukan untuk menyemai semangat kejiranan
- diharapkan agar nilai kemasyarakatan yang murni akan terus

## LATIHAN 2

Terdapat pelbagai teknik yang digunakan oleh murid-murid untuk mengulang kaji pelajaran. Namun demikian, ramai pihak yang menganggap bahawa aktiviti belajar secara berkumpulan lebih banyak memberikan kebaikan kepada murid.

Bincangkan pernyataan di atas. Panjangnya karangan anda hendaklah lebih daripada 180 patah perkataan.



### Pendahuluan

- belajar merupakan aktiviti rutin
- untuk mencapai kejayaan dalam pelajaran, seseorang pelajar haruslah
- terdapat pelbagai teknik belajar : seperti
- namun demikian : aktiviti belajar berkumpulan

### Isi-isi

#### **Isi 1 (mengeratkan hubungan persahabatan)**

- antara kebaikan : ialah para pelajar
- hal ini demikian : semasa membentuk kumpulan belajar : memilih rakan
- ahli kumpulan terdiri daripada rakan yang dikenali : berasa lebih selesa
- misalnya : sepakat untuk berbincang sama ada
- melalui aktiviti ini : hubungan lebih erat : persis kata peribahasa Melayu

### ***Isi 2 (mudah memahami sesuatu topik)***

- ....., murid yang lebih mudah memahami sesuatu topik apabila
- ketika berbincang dengan rakan-rakan : mereka tidak malu untuk
- pelajar-pelajar yang lebih pandai dapat membantu
- sebaliknya : jika belajar secara bersendirian : sukar untuk bertanya apa-apa
- oleh itu : kaedah belajar secara berkumpulan berupaya meningkatkan

### ***Isi 3 (menyiapkan kerja sekolah dalam masa yang singkat)***

- ....., faedah yang diperoleh daripada : ialah murid dapat
- pada waktu senggang : para pelajar boleh berbincang dengan
- sekiranya terdapat kerja sekolah yang rumit : mendapat bimbingan
- melalui aktiviti tersebut : mengisi masa lapang dengan : masa itu emas
- secara tidak langsung : kerja yang diberikan oleh guru

### ***Isi 4 (memupuk nilai murni dalam hidup)***

- ....., nilai-nilai murni seperti : dapat dipupuk melalui
- sepatutnya diterapkan sejak kecil lagi : bak kata peribahasa Melayu,
- semasa pelajar belajar secara berkumpulan : mereka akan dilatih supaya
- secara tidak langsung : sikap negatif umpama mementingkan diri sendiri
- dalam hal ini : haruslah disemai dengan nilai murni dalam hidup melalui


### **Penutup**

- deduksinya : jika sesuatu tugas secara berkumpulan : maka tugas itu
- begitu juga halnya : jika kita belajar secara : nescaya kita akan memperoleh
- sehubungan dengan itu : semua pelajar dinasihatkan agar

## LATIHAN 3

Anda telah berjaya terpilih sebagai murid cemerlang. Satu majlis telah diadakan untuk meraikan kejayaan itu dan anda diminta untuk menyampaikan ucapan.

Sediakan teks ucapan anda selengkapnya. Panjangnya ucapan anda hendaklah **lebih daripada 180 patah perkataan**.



### Pendahuluan (Permulaan Ucapan / Menghadap Majlis)

- selamat pagi dan salam sejahtera
- terima kasih saudara .....
- Yang Berusaha Tuan Pengetua, .....
- yang dihormati guru-guru : rakan-rakan sekalian
- terlebih dahulu : ingin mengucapkan terima kasih : guru-guru dan rakan-rakan : meraikan kejayaan saya

### Isi-isi

#### Isi 1 ( tujuan menyampaikan ucapan)

- guru-guru dan rakan-rakan yang .....
- saya rasa bersyukur : terpilih untuk menerima Anugerah
- saya yakin : rakan-rakan juga akan berjaya : seperti saya : jika rajin : kerana usaha tangga kejayaan
- dalam majlis ini : saya ingin berkongsi maklumat untuk

**Isi 2 (usaha yang dilakukan : mendisiplinkan diri)**

- hadirin yang .....
- disiplin diri merupakan : perkara asas untuk
- sejak di sekolah rendah lagi : mendisiplinkan diri agar belajar
- saya akan menumpukan sepenuh perhatian : ketika belajar
- saya dan rakan-rakan belajar secara berkumpulan : menyiapkan kerja sekolah

**Isi 3 (usaha yang dilakukan : sentiasa bertanya kepada guru)**

- ... amat beruntung : mendapat guru rajin
- apabila tidak memahami sesuatu tajuk : saya sentiasa bertanya
- pada waktu senggang saya : berjumpa guru : untuk bertanya : pelajaran yang
- guru-guru membimbing : sehingga : dapat menguasai tajuk atau soalan
- ingin mengucapkan penghargaan : semua guru : telah banyak membantu

**Penutup**

- konklusinya : saya mengajak rakan-rakan agar rajin belajar : dan lulus dengan
- ingatlah : pelajaran amat penting dalam
- sebelum menamatkan ucapan : memohon maaf jika terdapat kesilapan dalam
- saya sudahi ucapan ini dengan serangkap :


Jika ada jarum yang patah,  
Jangan disimpan di dalam peti;  
Jika ada silap dan salah,  
Jangan disimpan di dalam hati.

- sekian, terima kasih

## LATIHAN 4

Persatuan Bahasa Melayu sekolah anda telah mengadakan lawatan sambil belajar baru-baru ini. Sebagai setiausaha persatuan tersebut, anda di minta untuk menyediakan laporan tentang aktiviti yang telah dijalankan itu.

Tulis laporan anda selengkapnya. Panjangnya laporan anda hendaklah lebih daripada 180 patah perkataan.



### Laporan Aktiviti Lawatan Sambil Belajar Persatuan Bahasa Melayu SMK .....

#### Pendahuluan

- Bila lawatan sambil belajar dijalankan?
- Jumlah peserta dan nama guru pengiring
- Tempat-tempat yang dilawati
- Tujuan lawatan tersebut diadakan:-
- Banyak faedah yang dapat diperoleh melalui aktiviti

#### Isi-isi

##### **Isi 1 (taklimat awal dan waktu bertolak)**

- semua peserta : berkumpul di sekolah
- mendengar taklimat yang disampaikan
- bertolak tepat pada masa yang : menggunakan bas yang disewa khas
- berjalan lancar dan peserta amat : menikmati keindahan alam

### ***Isi 2 (tempat pertama : Muzium Negara)***

- destinasi pertama : kami kunjungi : Muzium Negara
- pelbagai khazanah berharga : dipamerkan
- berpeluang untuk membeli cenderamata
- peserta lawatan dapat menambahkan
- dari muzium : bawa ke gerai makanan untuk

### ***Isi 3 (Planetarium Negara)***

- ..., semua peserta lawatan : ke Planetarium Negara
- menyambut kedatangan kami
- diberikan taklimat tentang sistem
- juga dibenarkan untuk mencerap bintang di : melihat bahan yang dipamerkan
- tidak berasa bosan ketika di : walaupun lebih daripada

### ***Isi 4 (Pesta Buku Antarabangsa)***

- pada hari terakhir : kami sempat melawat
- terdapat ribuan : pelbagai tajuk dan bahasa : dijual dengan tawaran harga
- amat riuh-rendah : jumlah pengunjung yang terlalu
- diberi masa selama : dan sempat membeli
- setelah makan tengah hari : warung makan berhampiran : bas mula bertolak balik ke

### **Penutup**

- keseluruhannya, kami bersyukur : lawatan yang dirancang : dapat dilaksanakan
- mengucapkan terima kasih : Puan ..... iaitu Guru Penasihat Persatuan Bahasa : banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar

**Pengakuan Pelapor** : *Ditulis di sebelah kiri selepas perenggan penutup*

**Tarikh** : *Ditulis di sebelah kanan dan setentang dengan pengakuan pelapor*

**Tandatangan Pelapor** : *Ditulis sebelah kiri selepas pengakuan pelapor*

**Nama Pelapor** : *Ditulis dengan huruf besar di dalam kurungan selepas tandatangan*

**Jawatan Pelapor** : *Ditulis di sebelah kiri selepas nama pelapor, diletakkan tanda koma di hujungnya dan ditulis nama persatuan yang diwakilii*

# TAMAT